

12 SEP 2001

Serangan-Mahathir

DR MAHATHIR DUKACITA DENGAN SERANGAN DI AMERIKA SYARIKAT

SEPANG, 12 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau dukacita dengan serangan di New York dan Washington.

"Saya merasa dukacita kerana berlakunya serangan ini," kata beliau kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa KL di sini selepas membatalkan lawatan beliau ke Britain, malam tadi.

Dr Mahathir berkata beliau juga khuatir Amerika Syarikat akan membalas serangan terhadap pihak-pihak yang bertanggungjawab dan ini akan menyebabkan ramai lagi terkorban.

"Yang saya khuatir juga ialah akan ada balas membalas, oleh kerana serangan ini tentulah Amerika akan membalas.

"Tindakan balas ini akan menyebabkan ramai terkorban dan dengan ini juga akan disusuli dengan lain-lain jenis serangan," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata beliau berpendapat bahawa serangan balas membalas itu tidak akan menyelesaikan sebarang masalah.

Mengenai nasib rakyat Malaysia di kawasan serangan iaitu di WTC, Dr Mahathir berkata: "Setakat ini tidak dengar rakyat Malaysia terlibat dalam kemalangan, tetapi tentu ada rakyat Malaysia di New York.

"WTC jadi tumpuan pelancong di siang hari, kalau ramai rakyat Malaysia terlibat tidak hairanlah, sebab ramai rakyat Malaysia di sana," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

ROZ ES ZB